



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
17 OKTOBER 2018 (RABU)

AKHBAR	MUKA SURAT
The Star	
- Parking made easier in Selangor	03
Utusan Malaysia	
- Impian taman kucing musnah	57
Berita Harian	
- Denda hingga RM100,000 jika gagal baiki jalan	05
Harian Metro	
- Kontraktor korek jalan berdepan denda 100 kali ganda	17



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 17 OKTOBER 2018 (RABU)	
Akhtar	The Star
Tajuk Berita	Parking made easier in Selangor
Muka Surat	03



STARMETRO, WEDNESDAY 17 OCTOBER 2018

News 3

Ng displaying the Smart Selangor Parking App (SSPA), which has the list of all the participating areas on his mobile phone.

Mohammad Kamal says motorists in Kuala Langat have several options to pay for parking in the district.

Romans says having to carry various coupon booklets with him is a hassle and urges the local authorities to use one integrated app for parking payments in the state.

TS 17/10/18 MS 03

By ELAN PERUMAL
 elan@thestar.com.my

Parking made easier in Selangor

Motorists ask for all local authorities to have one common app

THE Smart Selangor Parking App (SSPA) system is not only a hit with motorists but also helps conserve the environment by reducing the use of paper and ink to print parking coupons and tickets.

Selangor Local Government committee chairman Ng Sze Han said since the system was introduced in July, 54,859kg of paper had been saved.

"It proves that the introduction of the system in five areas in Selangor is becoming popular with motorists in the state," he told *StarMetro*.

Ng is happy that the system has been effective in reducing paper usage in line with the state's green policy.

"The app was introduced through the Smart Selangor Delivery Unit, which is an arm of Selangor Menteri Besar Incorporated (MBI)," he said.


Currently, Ng said the app was available to motorists in areas under the jurisdiction of the Shah Alam City Council (MBSA), Selayang Municipal Council (MPS), Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ), Kajang Municipal Council (MKPJ), and the Sepang Municipal Council (MSP).

He said the system has also been introduced by the Petaling Jaya City Council (MBPJ) on trial basis in parts of Kota Damansara.

Ng added that so far, more than 70,000 motorists have registered for the SSPA through their mobile devices with more than 100,000 transactions to date.

In line with the Smart Selangor concept, Ng said motorists have proved themselves smart citizens by opting for the app.

He said it relieved the motorists of the burden of searching for parking coupons every time they parked their vehicles in public parking bays at the various local



A thank you note is displayed on the app, showing how much paper has been saved up to that point.



The Smart Selangor Parking App (SSPA) is easily available on Google Play and the Apple App Store.

authorities.

"They were also required to use different coupons for different areas and those who travelled a lot would have to carry several coupon booklets with them.

"Some areas still use parking machines and motorists also found it a hassle looking for coins and dealing with faulty machines," he said.

Ng said the SSPA was introduced

with the aim of making it simple for motorists to park their vehicles by making payment through the e-wallet from their mobile devices.

"The app can be downloaded from mobile devices and all motorists have to do is select the area where their vehicles are parked and make the payment accordingly."

"We expect the app to be implemented in the whole of Selangor by

the end of next year due to some technical issues.

"Some of the local authorities are still bound by existing contracts with parking concessionaires," he said.

MBSA corporate communications head Sharin Ahmad said motorists in the area have the option of using the council's flexi-parking, the SSPA, as well as the coupon system.

Kuala Langat District Council corporate communications head Mohammad Kamal Mohd Ramlan, however, said they were unable to adopt the SSPA system as the council was still tied to a contract with the company that provided the Park By Phone app.

He said the contract with the company would expire at the end of next year.

"We can only decide on the SSPA after the contract expires based on the pros and cons of both apps," he said.

Currently, Kamal said the district also used parking machines where motorists could pay with Touch&Go, debit and credit cards.

"We also still have the coupon system," he said.

Klang Municipal Council (MPK) president Mohd Yasid Bidin said the council also had its own Smart Klang app which was introduced in June this year.

He said the council was under contract with the company that provided the parking app for three years and it could not switch to the SSPA yet.

"The company has provided us with a free app but they bill us for the handsets used by our enforce-

ment personnel," he said, adding that MPK collected RM120,000 in parking charges from 7,000 motorists who used the system so far.

Klang motorist Romans Ng suggested that all local authorities in the state used the SSPA system so that motorists need not download too many apps.

Currently, Ng said they were burdened with the need to buy multiple parking coupon booklets from the various local authorities who have not subscribed to the SSPA or had their own parking apps.

"I have been carrying around parking coupon booklets from the various local authorities who have not subscribed to the SSPA as I need to travel to various parts of the state for work.

"The app system is good and I hope there will be only one system for all to use along with the parking coupons," he said.

Pamela Menon from Shah Alam is happy that with the app she can also pay parking for her mother who is not IT-savvy.

"The app allows me to pay parking charges for my mother in Shah Alam from my office in Petaling Jaya and that's cool," she said.

Elizabeth Karupiah from Shah Alam said she had been using the SSPA since mid-July after her daughter informed her of the availability of the system.

She said she preferred the app as it relieved her of the burden of buying coupons and keeping coins to feed the machine.

"I do not have to go through the hassle of running to my car to change the coupon whenever it expires in case I overstay my visit at a particular destination," she said.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 17 OKTOBER 2018 (RABU)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Impian taman kucing musnah
Muka Surat	57

ER 2018

UTUSAN KOTA 57

Impian taman kucing musnah

Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN**
kota@utusangroup.com.my

■ AMPANG JAYA 16 OKT.

HASRAT seorang aktivis kucing untuk menempatkan kucing-kucing terbiar di Jalan Kerja Ayer Lama di sini musnah apabila premis peliharaan yang dijanjikan oleh pihak berkuasa tempatan bagi tujuan itu didakwa 'dirampas' untuk kegunaan politik.

Jamil Ismail, 42, atau lebih dikenali sebagai Jamil Kucing berkata, dia terkilan kerana tidak dapat menggunakan bangunan yang telah dinamakan sebagai Taman Rekreasi Kucing Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) itu kerana akan dijadikan Pusat Khidmat Rakyat Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Antarabangsa.

"Saya tidak tahu apa yang berlaku di peringkat atasan tetapi sejak dari awal lagi bangunan ini memang dibina khas untuk menempatkan kucing-kucing terbiar dengan persetujuan dan kebenaran pihak berkuasa.

"Jika ada bantahan penduduk atau sebagainya, ia tidak mungkin berlaku selepas bangunan itu siap dibina. Saya nampak ini adalah 'rampasan' oleh pihak yang cuba mengambil kesempatan," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Ekoran itu, pengasas Jamil Kucing Cat Rescue Animal Care ituimbang mengenai nasib 120 ekor kucing terbiar peliharaannya yang masih tidak mempunyai penginapan yang sesuai.

"Taman rekreasi itu sepatutnya beroperasi sebagai tempat perlindungan kucing terbiar di kawasan ini tapi usaha itu nampaknya tidak akan berjaya," ka-



TAMAN Rekreasi Kucing MPAJ yang didakwa akan beroperasi sebagai Pusat Khidmat Rakyat di Jalan Kerja Ayer Lama, Ampang Jaya, Selangor.

tanya.

Jamil berkata, taman rekreasi berkenaan siap dibina pada penghujung Disember lalu hasil sokongan dan bantuan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Kandis, Allahyarham Shuhaimi Shafie.

"Pembinaan taman ini dibiyai sepenuhnya oleh kerajaan negeri dengan anggaran kos sebanyak RM200,000.

"Perancangan untuk membina taman ini bermula sejak tiga tahun lalu dan telah dipersetujui oleh MPAJ.

Menurut Jamil, pihak MPAJ pada mulanya telah mencadangkan dua lokasi pembinaan taman rekreasi kucing iaitu di



Taman Keramat dan Jalan Kerja Ayer Lama tetapi tidak sesuai kerana terlalu hampir dengan kawasan perumahan.

Sehubungan itu, beliau berharap ada pihak yang dapat menyelesaikan kemelut itu dengan cara yang lebih ber-

tanggungjawab.

Sementara itu, beliau turut membawa perkara tersebut kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan berharap masalah itu dapat diselesaikan segera.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 17 OKTOBER 2018 (RABU)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Denda hingga RM100,000 jika gagal baiki jalan
Muka Surat	05

BH Rabu, 17 Oktober 2018

Denda hingga RM100,000 jika gagal baiki jalan

BH
17/10/18
MS OS



Zuraida menjawab soalan diajukan wartawan di lobi Bangunan Parlimen, semalam.

➔ Pindaan akta dapat sokongan sebulat suara

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
cnews@nstp.com.my

➔ Kuala Lumpur

Kontraktor yang didapati gagal membaiki dengan sempurna sebarang kerja pengorekan jalan awam, bakal berdepan hukuman denda hingga RM100,000.

Peningkatan denda 100 kali ganda menerusi pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) bagi meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 itu diluluskan, selepas dibahas 18 ahli Parlimen dan dibacakan kali ketiga di hadapan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Mohamad Ariff Md Yusoff, serta mendapat sokongan

sebulat suara.

Pindaan lain turut mencakupi peningkatan denda minimum daripada RM500 kepada RM50,000, bagi kesalahan mengambil tempat turap tanpa kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) atau agensi penguat kuasa yang sah di sisi undang-undang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata usaha memperkuatkan akta itu mendapat sokongan kerajaan negeri, sama ada ditadbir pembangkang atau kerajaan yang bersetuju mengangakat pindaan berkenaan, seiring usaha memartabat kualiti jalan.

“Peruntukan kos bagi melaksanakan kajian geoteknikal dan siasatan berkala, seperti diperuntukkan dalam pindaan akta ini pula akan ditanggung pemaju, bukan PBT seperti dibimbangi segelintir pihak.

“Pegawai yang akan mengendalikan kajian dan siasatan berkala bukan daripada PBT, sebaliknya perlu dilakukan pemaju serta disahkan jurutera bertauliah serta

bebas,” katanya ketika mengulung pembentangan RUU itu di Dewan Rakyat, semalam.

Denda RM1,000 rendah

Terdahulu, Zuraida ketika membentangkan RUU berkenaan bagi bacaan kali kedua berkata, cadangan menaikkan kadar denda dibuat selepas mendapati denda sedia ada sebanyak RM1,000 dilihat tidak berkesan sebagai langkah pencegahan.

“Banyak aduan berkenaan kerosakan dan kualiti pembaikan jalan, antaranya berpunca daripada kerja penyelenggaraan jalan oleh individu atau syarikat utiliti tanpa kelulusan PBT,” katanya.

Selain jalan awam, Zuraida berkata, denda itu akan terpakai bagi kesalahan merosakkan siar kaki, harta kepunyaan PBT, kaki lima atau di sepanjang laluan orang awam.

Katanya, pindaan terhadap Seksyen 39 akta berkenaan membabitkan cadangan menaikkan denda minimum RM500 sedia ada kepada RM50,000, bagi kesa-

lahan mengambil tempat turap tanpa kebenaran bertulis daripada PBT atau kuasa lain yang sah di sisi undang-undang.

“Pindaan itu mencadangkan supaya kuasa diberi kepada PBT untuk mengarahkan seseorang membetulkan semula apa-apa perubahan terhadap kerja penurapan dan tapak jalan awam, termasuk pagar dan tiang, selain melaksanakan pembaikan bagi kerosakan yang dilakukan pada mana-mana jalan, siar kaki atau jalan kaki lima.

“Jika orang itu tidak berbuat demikian, PBT sendiri boleh mengarahkan supaya kerja itu dilakukan dan menuntut kos dan belanjanya daripada orang berkenaan,” katanya.

Zuraida berkata, pindaan juga akan menjadikan satu keperluan kepada mana-mana individu untuk mengemukakan laporan geoteknikal yang ditentu sah oleh pemeriksa bertauliah, bagi apa-apa binaan bangunan membatikkan lereng dengan tahap kecerunan 25 darjah dan ketinggian 10 meter.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 17 OKTOBER 2018 (RABU)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Kontraktor korek jalan berdepan denda 100 kali ganda
Muka Surat	17

Kontraktor korek jalan berdepan denda 100 kali ganda

HM 17/10/18

M/SIF.

Kuala Lumpur: Kontraktor yang didapati gagal membaiki dengan sempurna sebarang kerja pengorekan jalan awam bakal berdepan hukuman denda sehingga RM100,000.

Peningkatan denda sebanyak 100 kali ganda menerusi pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) bagi meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 itu diluluskan selepas dibahas 18 ahli Parlimen dan dibacakan kali ketiga di hadapan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Mohamad Ariff Md Yusoff serta mendapat sokongan sebulat suara.

Pindaan lain turut mencakupi peningkatan denda minimum daripada RM500 kepada RM50,000 bagi kesalahan mengambil tempat turap tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) atau agensi penguat kuasa yang sah di sisi undang-undang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zura-



ZURAIDA ketika ditemu bual di lobi Bangunan Parlimen.

ida Kamaruddin, berkata usaha memperkukuhkan akta itu mendapat sokongan daripada kerajaan negeri, sama ada ditadbir pembangkang atau kerajaan yang bersetuju mengangkat pindaan berkenaan, seiring usaha memartabat kualiti jalan demi manfaat pengguna.

“Peruntukan kos bagi melaksanakan kajian geoteknikal dan siasatan berkala, seperti diperuntukkan dalam

pindaan akta ini pula akan ditanggung pemaju, bukan PBT seperti dibimbangi segelintir pihak.

“Pegawai yang akan mengendalikan kajian dan siasatan berkala itu pula bukan daripada PBT, sebaliknya perlu dilakukan pemaju serta disahkan jurutera bertauliah serta bebas,” katanya ketika menggulung pembentangan RUU berkenaan, di Dewan Rakyat, semalam.